



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jld. 46

**30 Januari 2003**

No. 3

---

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2001  
(Akta A1129)

No. 5.

PENETAPAN TARikh PERMULAAN KUATKUASA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 1(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 (Akta A1129), Pihak Berkuasa Negeri Perlis dengan persetujuan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuatkuasa berikutan tarikh tersiarnya di dalam *Warta Kerajaan* sebagai tarikh Akta itu mula berkuatkuasa bagi seluruh Negeri Perlis.

Bertarikh 15 Julai 2002.

[SUK.(Ps.) 04/094 SK. 1 Jld. 2.]

MOHIYADDIN BIN CHE JAN,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Bertarikh 15 Julai 2002.

[MPKT/11 Jld. 2 (21).]

Saya Bersetuju,

DATO' SERI ONG KA TING,  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(Act 172)

No. 6.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 15(4)  
NOTIFICATION UNDER SECTION 15(4)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Kangar telah bersetuju menerima Rancangan Tempatan Kuala Sanglang, Kuala Sungai Baru dan Simpang Empat (1998–2010) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Kangar pada 1 Oktober 2001 mengikut seksyen 15(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan penerimaan rancangan tersebut telah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Perlis Bil. 1/2000 yang bersidang pada 5 April 2002 mengikut peruntukan seksyen 15(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Pelan Rancangan tersebut boleh didapati di Pejabat Majlis Perbandaran Kangar untuk diperiksa oleh orang awam dalam waktu pejabat.

In exercise of the powers conferred by section 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 (Act 172), it is hereby notified that the Majlis Perbandaran Kangar has agreed to adopt the Kuala Sanglang, Kuala Sungai Baru and Simpang Empat Local Plan (1998–2010) which has been approved by the Majlis Perbandaran Kangar Full Council Meeting on the 1st October 2001 in accordance with section 15(1) of the Town and Country Planning Act 1976 and Perlis State Planning Committee Bil. 1/2000 was notified of the adoption of the aforesaid Plan on 5th April 2002 in accordance with section 15(3) of the Town and Country Act 1976 (Act 172).

The aforesaid plan is available at the Majlis Perbandaran Kangar for public inspection during office hours.

Bertarikh 6 Januari 2003.

Dated 6 January 2003.

[SUK.(Ps.) 04/094 SK. 1 Jld. 2.]

AHMAD BIN ZAKARIA,  
b.p. Setiausaha Kerajaan Perlis

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

30 Jan. 2003]

61

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

No. 7.

(Seksyen 8)

### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Balik Tanah 1960 untuk Cadangan Tapak Kolej Kejururawatan Mukim Sena, Perlis

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

### JADUAL Mukim—Sena

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang			
			Luas Lot	E. R. P.	Luas yang hendak Diambil	E. R. P.
PT 679	HS(M) 944	Achu d/o Endin Kiew 1/1 bahagian	2 3	13.65	2 3	13.65 (1.1474 hektar) (ambil semua)
PT 680	HS(M) 945	Iklau d/o Perom 1/1 bahagian	3 0	37.65	3 0	37.65 (1.3093 hektar) (ambil semua)

Bertarikh 21 November 2002.  
[Bil.(16) dlm. JKPTG(Ps.) CK.(UKB) 809.]

MUSA BIN HAJI HASSAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Negeri Perlis

### PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA